

PM dapat ^(P) gelaran 'Bapa'

KUALA LUMPUR 18 Julai — Perdana Menteri, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diberi gelaran 'Bapa' dan istennya, Dato Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah menerima gelaran 'Ibu' bagi seluruh kanak-kanak di Malaysia.

Gelaran itu diberikan oleh Juliana Ghazali Bujang yang mewakili semua kanak-kanak di Malaysia ketika menyampaikan ucapan terima kasih dan ikrar kepada Perdana Menteri selepas beliau menandatangani Deklarasi Sedunia Mengenai Kehidupan Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak dalam satu upacara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesej yang disampaikan oleh Juliana seorang murid Hariah lima, Sekolah Rendah Assunta, Petaling Jaya ialah penghargaan kepada negara yang telah memberi kehidupan yang baik untuk semua kanak-kanak di Malaysia.

Ucapan dan ikrar yang mewakili semua kanak-kanak di Malaysia itu berbunyi:

"Saya bagi pihak kanak-kanak Malaysia ingin mengalung sepambak budi kepada bapa, ibu dan Kerajaan Malaysia ke atas segalanya dan perhatian yang diberikan kepada kami.

"Kami merasa megah dan bangga sebagai anak Malaysia yang dilahirkan di negara yang bertuah ini yang aman damai dan makmur dan mempunyai pemimpin-pemimpin seperti bapa dan ibu yang penyayang.

"Atas segala belaian dan kasih sayang yang dianugerahkan kepada kami, kami sentiasa akan mengharugainya. Kami bakal pemimpin masa depan akan menyimpan jasa baik bapa dan ibu di sanubari.

"Kami akan menjadikan cita-cita bapa dan ibu satu kenyataan. Kami akan bekerja keras demi menjaga maruah bangsa dan seterusnya menjadikan negara ini maju menjelang tahun 2020. Sesungguhnya itu ikrar kami.

"Terima kasih daun keladi,
Jari sepuluh kami hulurkan,
Lain waktu japa lagi
Jasa bapa dan ibu tidak akan kami lupakan."